

UCAPAN MENYEMBAH UCAP TAHNIAH DAN SELAMAT OLEH PERDANA MENTERI SEM- PENA ULANGTAHUN KEPUTERAAN D.Y.M.M SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGUNG DI ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR PADA 5HB JUN, 1974

Mengadap Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halira Mu'azam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dengan segala kebesaran dan kemuliaannya.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.

Pada hari yang amat berbahagia ini, patik dengan perasaan penuh hormat dan takzim merafakkan sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah terhadap Kebawah Duli Tuanku bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Patik juga mengambil sempena hari yang berbahagia ini untuk mengulangi ikrar taat setia patik dan ahli-ahli Jemaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan, anggota-anggota Pasukan Keselamatan dan seluruh rakyat Malaysia terhadap Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku.

Patik sekalian turut bersyukur bahawa selama setahun yang lalu ini, negara Malaysia di bawah pemerintahan Kebawah Duli Tuanku telah melihat kemajuan yang cemerlang dalam semua lapangan, khasnya dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua menunjukkan bahawa matalamat pembangunan negara akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditentukan itu.

Sidang Parlimen yang baru berakhir dua minggu yang lalu telahpun membahas dan menerima dengan sepenuhnya Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku pada pembukaan mesyuarat pertama penggal keempat Parlimen yang menggariskan aspek-aspek penting dalam pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Tuanku dalam tahun ini.

Ampun Tuanku.

Perpaduan negara adalah semakin hampir menjadi kenyataan dengan terbentuknya Barisan Nasional yang menggabungkan parti-parti politik yang mendukung Kerajaan Kebawah Duli Tuanku hari ini. Kerajaan akan terus mendapatkan sokongan dan kerjasama rakyat dalam usaha meningkatkan pembangunan serta mengawal keadaan keselamatan dalam negeri agar ekonomi negara akan terus berkembang maju dalam semua bidang dan lapangan.

Kejayaan Pasukan Keselamatan di Sarawak dan juga di Semenanjung Malaysia menunjukkan harapan yang cerah bagi memulihkan keamanan dalam tempoh yang tidak berapa lama. Patik sekalian berazam akan menentang segala ancaman dari dalam dan luar negeri. Adalah nyata bahawa rakyat Kebawah Duli Tuanku dari semua golongan dan lapisan sangat-sangat berkehendak kepada keamanan dan kesetabilan yang mana mereka tunjukkan dengan terang dan berani melalui perarakan beramai-ramai mengutuk perbuatan jahat pengganas-pengganas komunis dan penyokong-penyokong mereka membunuh kakitangan Polis serta melakukan angkara-angkara lain. Semangat tabah dan keazaman rakyat Kebawah Duli Tuanku akan berhasil membersihkan kampung dan daerah mereka dari anasir-anasir perosak masyarakat itu.

Dalam bidang ekonomi dan sosial, kemajuan yang dicapai sangat memuaskan. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuanku menarik minat pengusaha-pengusaha besar dari luar negeri telahpun berhasil dengan pembukaan beberapa industri penting yang memberikan beribu-ribu peluang pekerjaan kepada kaum belia. Selain dari menumpukan usaha-usaha ini ke Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, di masa akhir-akhir ini Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah mengalih perhatian pula kepada negara-negara di Asda Barat dengan harapan memperkukuh ikatan mesra yang sedia terjalin itu menerusi hubungan perdagangan dan kerjasama di bidang perindustrian. Hari ini setiap negeri sedang giat memperluaskan bidang perindustrian sesuai dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Tuanku beransur-ansur mengubah corak ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.

Sejajar dengan keperluan ekonomi perindustrian ini, pendidikan dan latihan tenaga manusia pada semua peringkat sedang

diperkembangkan menerusi Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Pusat-pusat Latihan Kemahiran dan sekolah-sekolah. Patik sukacita menyembahkan iaitu angkatan kedua siswazah Universiti Kebangsaan akan menerima ijazah mereka pada hari Sabtu ini, yang menandakan paras kemajuan baru untuk Universiti yang muda ilu. Kehendak dan keperluan tenaga manusia terlatih untuk pembangunan besar-besaran di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Pelabuhan Kuantan akan dipenuhi manakala sebuah Politeknik baru didirikan di Kuantan. Di samping itu, Universiti Pertanian sedang membangun cawangannya. di Sarawak, yang menambah lagi peluang-peluang pendidikan lanjutan bagi lepasan sekolah di sana selain daripada cawangan kampus ITM di Kuching dan Kota Kinabalu. Baru-baru ini pihak Pusat Pengajian Islam Nilam Puri telahpun mencapai persetujuan bernaung di bawah Universiti Kebangsaan.

Ampun Tuanku.

Kerajaan Kebawah Duli Tuanku penuh sedar bahawa kemajuan material yang didapati menerusi perindustrian dan proses memodenkan masyarakat hendaklah diimbangi dengan usaha-usaha pembangunan rohani, terutama di kalangan golongan belia. Penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah tiga bulan yang lalu adalah satu langkah tegas untuk meningkatkan pembinaan rohani di samping mengembangkan penyebaran ugama Islam sebagai langkah meninggikan syiar Islam di negara ini. Kegiatan-kegiatan belia selama Minggu Belia yang dirayakan tidak lama dulu memberikan perhatian berat terhadap pembinaan akhlak dan menjaga adab tertib serta sopan santun yang mencerminkan identiti kebangsaan.

Buat tahun yang ketiganya, Hadiah Karya Sastera Nasional telah diadakan sebagai menghargai usaha-usaha di lapangan persuratan yang bertujuan mengisi keperluan rohaniah masyarakat dengan bahan-bahan bacaan yang berguna. Mulai tahun ini corak pemberian Hadiah Sastera itu diubah sedikit iaitu memberikan penghargaan kepada penulis atau sastrawan yang paling terkemuka meninggikan mutu dan nilai penulisan dalam jurusan novel, cerpen, sajak dan essei. Kerajaan Kebawah Duli Tuanku bercadang juga mengadakan hadiah untuk penulisan berita yang terbaik seperti yang dibuat mengenai Hadiah Pulitzer supaya taraf dan mutu persuratkhabaran negara ini mencapai tingkatan yang lebih tinggi lagi.

Ampun Tuanku.

Rakyat Kebawah Duli Tuanku seluruh negara amat gembira dengan penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari. Inilah satu peristiwa yang penting dan bersejarah semasa tempoh pemerintahan Kebawah Duli Tuanku dan tidak syak lagi perkembangan terakhir ini membawa makna yang besar kepada hari depan Kuala Lumpur ini. Pihak pentadbiran Wilayah Persekutuan telahpun mengambil langkah-langkah yang penting menyelaraskan pembangunan di kawasan Bandaraya dengan tujuan memberikan kemudahan-kemudahan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk, melicinkan lalu lintas yang semakin bertambah banyak, di samping memperindahkan dengan menanam pohon-pohon kayu dan bunga-bunga serta memelihara peninggalan-peninggalan sejarah supaya mengekalkan keperibadian Ibu Negara yang dikasihi ini. Dengan langkah-langkah itu, rakyat Malaysia seluruhnya akan dapat berbangga dengan Ibu Negara yang menjadi tumpuan kesayangan dan taat setia mereka serta jenerasi-jenerasi akan datang.

Ampun Tuanku.

Kejayaan yang amat menggembirakan semasa pemerintahan Kebawah Duli Tuanku tahun ini ialah dalam perhubungan luar negeri. Dasar Luar Kerajaan Kebawah Duli Tuanku yang pragmatik, berlandaskan konsep non-alignment dan ingin bersahabat dengan semua negara terutama kuasa-kuasa besar dunia tanpa mengira sistem sosio-politik mereka, meletakkan nama Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia antarabangsa. Penyertaan Malaysia dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Berkecuali di Algiers dan Persidangan Lahore telah mempereratkan lagi hubungan mesra Kerajaan Kebawah Duli Tuanku dengan sahabat-sahabat lama khasnya di kalangan negara-negara Islam di samping menjalin ikatan muhibbah dengan sahabat-sahabat baru.

Patik mohon menyembahkan iaitu tali persaudaraan dan ikatan istimewa yang kekal teguh antara Malaysia dengan Indonesia dan Burma menjadi semakin erat dengan lawatan tidak rasmi oleh Paduka Yang Mulia Presiden Soeharto ke Pulau Pinang awal bulan lalu dan Tuan Yang Terutama Presiden Ne Win baru-baru ini yang memberi kesempatan baik untuk membincangkan

perkara-perkara kepentingan bersama. Begitu juga dengan negara-negara ASEAN yang lain, patik sendiri telah membuat lawatan ke Singapura untuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan di sana dan tidak lama dulu Timbalan Perdana Menteri telah turut menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Jakarta, di mana beberapa keputusan penting telah dicapai termasuk perkara mendirikan Sekretariat Tetap ASEAN di Ibu Negara Indonesia itu. Demikian juga dengan rancangan mengadakan Bank Pembangunan Islam yang dipersetujui penubuhannya di mana Malaysia memainkan peranan penting serta mendapat penghormatan besar dengan perlantikan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Pengerusinya.

Ampun Tuanku.

Patik baru saja pulang dari lawatan ke Republik Rakyat Cina atas undangan Perdana Menteri Chou En Lai untuk memeterikan perjanjian perhubungan diplomatik antara negara besar itu dengan Malaysia. Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah menempa sejarah baru dengan terjalannya perhubungan yang mempunyai makna penting buat Malaysia dan rantau Asia Tenggara ini. Lawatan patik itu mendapat perhatian besar di negara China itu dan merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai harganya kepada Kerajaan Kebawah Duli Tuanku.

Dengan adanya perhubungan diplomatik di antara kedua Negara dan dengan persetujuan hormat menghormati antara satu sama lain serta tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam Negeri masing-masing, patik percaya dapat diperkukuhkan muhibbah dan perpaduan di antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, sebahagian daripadanya berasal dari keturunan China. Begitu juga kepada pihak pengganas-pengganas yang menjalankan kekerasan terhadap Kerajaan Malaysia, mereka dan penyokong-penyokong dapat memahami iaitu Kerajaan Malaysia adalah diakui dan diiktiraf oleh semua Kuasa-kuasa Dunia termasuk Republik Rakyat China.

Ampun Tuanku.

Selanjutnya, adalah didalam makluman Kebawah Duli Tuanku mengenai kesedihan yang menimpa rakyat Negeri Pahang iaitu kemangkatan Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azam Shah di Pekan baru-baru ini. Sesungguhnya inilah

kehilangan yang besar bukan saja kepada Negeri Paliang bahkan juga kepada negara. Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh Baginda. Begitu juga Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah menghadapi kerugian seorang tokoh negarawan yang terkemuka iaitu Y.B. Tun Tan Siew Sin, yang telah meletakkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan setelah berkhidmat dengan jujur dan penuh dedikasi selama hampir lima belas tahun. Jasa-jasa beliau akan sentiasa diingati dan dihargai oleh rakyat negara ini.

Ampun Tuanku.

Akhirnya, patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wataala mudah-mudahan dilanjutNya usia Kebawah Duli Tuanku dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung, dengan dilimpahkan rahmatNya serta dikurniai sihat walafiat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negara Malaysia ini.

Demikianlah sahaja patik persembahkan. patik pohon ampun beribu-ribu ampun jua.